

**SOALAN NO. 342****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN****MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [Bakri]**

**TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapa pengemis warga tempatan dan luar negara mengikut tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017 mengikut negeri, negara, jantina, umur dan tindakan diambil.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa peka mengenai isu pengemis yang wujud di negara ini. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), menjalankan usaha menyelamat dan memulihkan golongan pengemis berdasarkan peruntukan **Akta Orang-Orang Papa 1977.**

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan rekod JKM, bilangan pengemis warga tempatan dan luar negara mengikut tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017 mengikut negeri, negara, jantina, umur dan tindakan diambil adalah seperti jadual berikut:

**BILANGAN KES ORANG PAPA / PENGEMIS MENGIKUT NEGERI DARI TAHUN 2013 – 2016**

<b>BIL.</b>	<b>NEGERI</b>	<b>2013</b>		<b>2014</b>		<b>2015</b>		<b>2016</b>	
		<b>L</b>	<b>P</b>	<b>L</b>	<b>P</b>	<b>L</b>	<b>P</b>	<b>L</b>	<b>P</b>
1.	Johor	86	42	105	22	73	36	139	73
2.	Kedah	23	10	35	22	31	20	62	32
3.	Kelantan	20	3	35	0	33	16	22	8
4.	Melaka	14	4	36	4	87	41	58	39
5.	N. Sembilan	4	1	10	0	46	10	38	19
6.	Pahang	27	2	18	10	18	5	32	15
7.	Perak	18	0	68	0	32	0	71	50
8.	Perlis	8	10	2	0	8	6	7	4
9.	P. Pinang	154	37	134	29	158	44	278	93
10.	Sabah	0	0	8	0	0	0	0	0
11.	Sarawak	32	13	32	19	19	4	11	2
12.	Selangor	107	40	125	60	121	57	170	49
13.	Terengganu	31	15	27	12	31	5	33	14
14.	WPKL	109	44	179	96	142	65	226	56
15.	WP Labuan	0	0	0	0	6	1	4	5
<b>JUMLAH</b>		<b>633</b>	<b>221</b>	<b>814</b>	<b>274</b>	<b>805</b>	<b>310</b>	<b>1151</b>	<b>459</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>854</b>		<b>1088</b>		<b>1115</b>		<b>1610</b>	

**PETUNJUK :** L - LELAKI, P - PEREMPUAN

**BILANGAN KES ORANG PAPA / PENGEMIS BUKAN WARGA NEGARA MENGIKUT NEGARA,  
TAHUN 2013 – 2016**

<b>BIL.</b>	<b>NEGERI</b>	<b>2013</b>		<b>2014</b>		<b>2015</b>		<b>2016</b>	
		<b>L</b>	<b>P</b>	<b>L</b>	<b>P</b>	<b>L</b>	<b>P</b>	<b>L</b>	<b>P</b>
1.	Indonesia	1	3	5	4	12	8	12	18
2.	Thailand	14	6	26	15	24	13	106	30
3.	Myanmar	35	45	70	82	68	100	135	120
4.	Kemboja	15	21	34	64	60	81	48	71
5.	Filipina	0	0	5	0	1	0	4	3
6.	China	24	0	16	14	12	4	24	4
7.	Bangladesh	0	0	1	0	1	0	10	0
8.	India	0	0	0	1	0	1	9	4
9.	Pakistan	2	1	3	12	12	3	24	5
10.	Lain-Lain	6	21	14	15	8	4	18	23
<b>JUMLAH</b>		<b>97</b>	<b>97</b>	<b>174</b>	<b>207</b>	<b>198</b>	<b>214</b>	<b>390</b>	<b>278</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>194</b>		<b>381</b>		<b>412</b>		<b>668</b>	

**PETUNJUK :** L - LELAKI, P – PEREMPUAN

**BILANGAN KES ORANG PAPA / PENGEMIS WARGANEGARA DAN BUKAN WARGANEGARA  
MENGIKUT KUMPULAN UMUR, TAHUN 2013 – 2016**

KUMPULAN UMUR	2013				2014				2015				2016			
	WARGA NEGARA		BUKAN WARGA NEGARA		WARGA NEGARA		BUKAN WARGA NEGARA		WARGA NEGARA		BUKAN WARGA NEGARA		WARGA NEGARA		BUKAN WARGA NEGARA	
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P
Bawah 18 tahun	25	18	12	20	16	14	41	55	34	33	46	61	80	74	62	62
19 – 60	391	119	62	70	508	174	114	131	462	181	112	128	659	266	297	183
60 Ke atas	217	84	23	7	290	86	19	21	309	96	40	25	412	119	31	33
Jumlah	633	221	97	97	814	274	174	207	805	310	198	214	1151	459	390	278
Jumlah Keseluruhan	854		194		1088		381		1115		412		1610		668	

**PETUNJUK :**

L - LELAKI, P - PEREMPUAN

Tindakan yang diambil meliputi:

- 1) Ditempatkan dengan perintah sementara di bawah Seksyen 3(2) di institusi rumah kebajikan iaitu di Desa Bina Diri bagi pengemis berumur bawah 60 tahun atau Rumah Seri Kenangan bagi pengemis berumur 60 tahun ke atas.
- 2) Diserahkan kepada pelindung kanak-kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 bagi kes kanak-kanak berumur bawah 18 tahun.
- 3) Dirujuk kepada agensi lain seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia dan hospital.
- 4) Diserahkan kembali kepada keluarga.
- 5) Dibebaskan dengan amaran agar tidak mengulangi aktiviti pengemisan.

RT20/343

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN BERTULIS  
DARIPADA****: TUAN SIM TZE TZIN  
[BAYAN BARU]****JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengikut tahun:-

- dari tahun 2000 hingga 2016, bilangan pelajar menduduki STPM setiap tahun; dan
- bilangan pelajar STPM yang mendapat keputusan cemerlang iaitu PNGK/CGPA 4.0 sejak tahun 2000 hingga 2016 setiap tahun.

**JAWAPAN**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah murid yang menduduki peperiksaan STPM dari tahun 2000 hingga 2016 adalah seperti jadual di bawah:

TAHUN	JUMLAH MURID
2000	39,675
2001	38,469
2002	44,972
2003	53,857
2004	67,993
2005	76,914
2006	69,496
2007	62,183
2008	50,202
2009	52,386

2010	50,590
2011	50,661
2012	51,697
2013	55,233
2014	42,868
2015	41,937
2016	43,256

- b) Jumlah murid yang mendapat keputusan cemerlang, iaitu PNGK/CGPA 4.0 adalah sebanyak 0.97 peratus pada tahun 2013, tahun 2014 sebanyak 1.08 peratus, tahun 2015 sebanyak 0.98 peratus, dan pada tahun 2016 sebanyak 1.30 peratus. Pengiraan PNGK dalam keputusan peperiksaan STPM hanya bermula dari tahun 2013.

RT20/343